JABATAN PERTANIAN

# GARIS PANDUAN PERTANYAAN PERAWIS AKTIF (PENGIMPORTAN)

# RACUN MAKHLUK PEROSAK 2019

| **1.0** | **PENGENALAN** | |
|---|---|---|
| 1.1 | **Pengenalan** | |
| | 1.1.1 | Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja (BKRPB) Jabatan Pertanian adalah pihak yang mengeluarkan permit import di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) di bawah Akta Kastam 1967. **Warta Kerajaan bagi Perintah Kastam Larangan mengenai Import** boleh dirujuk melalui **laman web** rasmi Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). |
| | 1.1.2 | (a) **Jenis dagangan** yang terlibat ialah **perawis aktif** atau **bahan yang mengandungi perawis aktif** yang tersenarai di dalam Perintah Racun Makhluk Perosak (Pindaan Jadual Pertama), **Akta Racun Makhluk Perosak 1974 (ARMP 1974).**<br><br>(b) Oleh itu, pengimportan perawis aktif atau bahan yang mengandungi perawis aktif yang tersenarai di dalam Perintah Racun Makhluk Perosak (Pindaan Jadual Pertama), ARMP 1974 memerlukan permit import yang dikeluarkan oleh BKRPB Jabatan Pertanian. |
| | 1.1.3 | Terdapat **3 jenis Permit Import** yang dikeluarkan oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) iaitu:<br><br>(a) **Permit import** untuk **produk yang telah berdaftar dengan LRMP** sahaja:<br>i) **Permohonan dan kelulusan** adalah melalui laman sesawang http://epermit.dagangnet.com. ePermit ini **hanya** boleh diakses dan **dipohon** oleh syarikat yang mempunyai **produk yang telah berdaftar sahaja.**<br>ii) **Permit import** hanya akan dikeluarkan **untuk produk yang telah berdaftar** dengan LRMP. **Tiada pengecualian akan diberikan** untuk produk yang masih belum berdaftar.<br>iii) Untuk maklumat lanjut pendaftaran produk, sila rujuk **Garis Panduan Pendaftaran Racun Makhluk Perosak** di http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/302?mid=141<br><br>(b) **Permit import** untuk racun **tidak berdaftar:**<br>i) Mengimport Racun Makhluk Perosak Bagi Maksud Pelajaran Atau Penyelidikan.<br>ii) Sampel Atau Piawaian Cerakinan untuk Pendaftaran baru racun makhluk perosak.<br><br>(c) **Permit import** untuk permohonan **tambah pembekal.**<br><br>*Permohonan permit import untuk racun yang tidak berdaftar (b) dan permohonan tambah pembekal (c) hendaklah menggunakan **Borang A (Kaedah 3), ARMP 1974** yang boleh didapati di laman web :<br>http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/302?mid=141 |

| | | |
|---|---|---|
| | 1.1.4 | Bagi perawis aktif/ produk/ bahan kimia yang **tidak tersenarai** di dalam **Perintah Racun Makhluk Perosak (Pindaan Jadual Pertama), ARMP 1974**, permit import **tidak** akan dikeluarkan oleh LRMP, hanya **surat pemakluman tiada keperluan untuk pendaftaran produk** akan dikeluarkan untuk rujukan pengimport. Surat pemakluman tersebut perlu dimajukan oleh pengimport kepada pihak KASTAM sekiranya diminta oleh pihak KASTAM.<br>[Rujuk pada perkara 2.1.1 (b) dan 2.1.1 (c) di bawah syarat permohonan]. |
| 1.2 | **TAFSIRAN**<br>- Seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2, Akta Racun Makhluk Perosak 1974. | |
| | 1.2.1 | **“perawis aktif”** ertinya sesuatu perawis, sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, yang mempunyai sifat-sifat racun makhluk perosak kepada sesuatu bahan, benda persediaan atau campuran dan perawis aktif itu merupakan satu daripada juzuk dalam bahan, benda, persediaan atau campuran itu. |
| | 1.2.2 | **“racun makhluk perosak”** ertinya, tertakluk kepada subseksyen (2) –<br><br>(a) Apa-apa bahan yang **mengandungi suatu perawis aktif**; atau<br>(b) **Apa-apa persediaan, campuran** atau apa-apa benda yang mengandungi mana-mana satu perawis aktif itu atau lebih sebagai satu daripada juzuknya,<br><br>Tetapi tidak termasuk makanan yang tercemar atau apa-apa barang yang disenaraikan dalam Jadual Kedua. |
| 1.3 | **SENARAI PERAWIS AKTIF** | |
| | 1.3.1 | Semakan senarai perawis aktif yang tersenarai di dalam Perintah Racun Makhluk Perosak (Pindaan Jadual Pertama), ARMP 1974 **terkini** adalah di laman sesawang berikut:<br><br>(a) http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/302?mid=141<br>(b) http://www.federalgazette.agc.gov.my/<br>(c) http://www.portal.doa.gov.my/jadual1armp/ |
| **2.0** | **PROSES PERMOHONAN PERTANYAAN PERAWIS AKTIF** | |
| 2.1 | **SYARAT PERMOHONAN** | |
| | 2.1.1 | **Kod Tariff mestilah** di bawah kawalan Lembaga Racun Makhluk Perosak. |
| | | (a) **Hanya produk yang Kod Tariff di bawah kawalan Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP)** sahaja yang **akan diproses** oleh pihak Lembaga untuk penilaian.<br><br>(b) Di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) Akta Kastam 1967, jenis dagangan di bawah kawalan Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) adalah seperti berikut: |

| | | |
|---|---|---|
| | | *"All pesticides (incuding insecticide, herbicides, fungicides, wood preservatives, disinfectants, larvacides, mollusides, rodenticides, bactericides, biological pesticides microorganism or macroorganism, plant growth regulator, anti sprouting)* ***whether or not technical grades, technical concentrates or formulated products (listed under the First Schedule*** *(Section 2) of the Pesticides Act 1974)* ***used in agriculture, household, public health, veterinary and other type of usage****.*<br><br>(c) **Kod Tariff di bawah kawalan** Lembaga Racun Makhluk Perosak adalah seperti berikut:<br>i) **38.08**<br>ii) **Chapter 28**<br>iii) **Chapter 29**<br>iv) **30.02**<br>v) **6005.35**<br>vi) **6005.36**<br>vii) **6005.37**<br>viii) **6005.38**<br>ix) **6005.39**<br>x) **63404.20**<br><br>(d) Maklumat lanjut tentang kod tariff boleh didapati di http://mysstext.customs.gov.my/tariff/<br><br>(e) Pengkelasan dan **semakan kod tariff** adalah di bawah **tanggungjawab pengimport** sendiri. Pihak **Lembaga tidak akan bertanggungjawab** terhadap **kesilapan mengiktiraf** kod tariff semasa pengimportan oleh pengimport. |
| | 2.1.2 | **Permohonan pertanyaan** hanya untuk tujuan **pengimportan sahaja.** |
| | 2.1.3 | (a) Permohonan adalah secara ***hardcopy*** **(diletakkan di dalam sampul surat/fail secara teratur)** dan diserahkan secara serahan tangan atau pos.<br><br>(b) Dokumen permohonan hendaklah di alamatkan kepada :<br><br>**Bahagian Kawalan Racun Perosak & Baja,**<br>**Tingkat 4-6, Wisma Tani,**<br>**Jalan Sultan Salahuddin,**<br>**50632, Kuala Lumpur**<br>**(u.p: Urus Setia Pertanyaan Perawis Aktif)** |
| 2.2 | **TEMPOH SAH SURAT JAWAPAN** | |
| | 2.2.1 | (a) **Tempoh sah** surat jawapan untuk jawapan yang berstatus **"Bukan di Bawah Kawalan LRMP"** adalah:<br>**(Sehingga terdapat pindaan pada Perintah Racun Makhluk Perosak (Pindaan Jadual Pertama), ARMP 1974).** |

| | | |
|---|---|---|
| | | (b) **Pengimport perlu sentiasa menyemak** Perintah Racun Makhluk Perosak (Pindaan Jadual Pertama), ARMP 1974 dari semasa ke semasa di laman sesawang berikut:<br>(a) http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/302?mid=141<br>(b) http://www.federalgazette.agc.gov.my/<br>(c) http://www.portal.doa.gov.my/jadual1armp/ |
| | 2.2.2 | Permohonan **pertanyaan semula** perlu dilakukan **sekiranya terdapat pindaan** pada Perintah Racun Makhluk Perosak (Pindaan Jadual Pertama), ARMP 1974. Pemohon perlu menyemak Perintah Racun Makhluk Perosak (Pindaan Jadual Pertama), ARMP 1974 dari semasa ke semasa. |
| | 2.2.3 | **Keputusan** pengimportan adalah **tertakluk kepada kuasa Lembaga.** |
| **3.0** | **DOKUMEN PERMOHONAN** | |
| 3.1 | **DOKUMEN PERMOHONAN (*HARDCOPY*)** | |
| | 3.1.1 | **Hanya *hardcopy*** dokumen permohonan sahaja yang akan diterima untuk penilaian. Dokumen-dokumen yang perlu disertakan adalah seperti berikut:-<br><br>(a) Surat rasmi pertanyaan perawis aktif menggunakan kepala surat (*letter head*) syarikat<br>(b) Borang Maklumat Pengimportan Produk/Bahan **(rujuk Lampiran 1)**<br>(c) Risalah Data Keselamatan Produk (*Safety Data Sheet [SDS]*)<br>(d) Sijil Analisis Produk (*Certificate of Analysis [COA])*<br>(e) Sijil Komposisi Produk (*Certificate of Product Composition*)<br>(f) Label produk yang jelas untuk dibaca (Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris)<br>(g) *Flyers*/Manual atau apa-apa maklumat yang dapat memberikan penerangan lengkap tentang produk dan kandungan bahan.<br>(h) Salinan bercetak dari laman sesawang tarrif.customs.gov.my yang menunjukkan produk/bahan memerlukan kelulusan dari LRMP.<br>(i) Lain-lain dokumen yang dirasakan perlu oleh LRMP (sekiranya diminta). |
| | 3.1.2 | Pihak Lembaga berhak untuk memohon dokumen tambahan sekiranya perlu. Permohonan tidak akan diproses dan pemohon perlu mengemukakan permohonan baru sekiranya pengimport tidak memberi maklumbalas dalam masa 1 bulan. |
| 3.2 | **SURAT JAWAPAN** | |
| | 3.2.1 | (a) Surat jawapan perlu **diambil sendiri** oleh pemohon secara **serahan tangan** di kaunter Oscar Jabatan Pertanian, Wisma Tani Kuala Lumpur (Untuk permohonan dari **Kuala Lumpur/Selangor**).<br><br>(b) Sekiranya kiriman melalui perkhidmatan pos, pemohon perlu mengemukakan **sampul kiriman POS EKSPRES POS MALAYSIA beralamat sendiri.** Kos kiriman adalah di bawah tanggungan pemohon **(Pemohon dari LUAR KAWASAN Kuala Lumpur/Selangor).** |

| | | |
|---|---|---|
| | 3.2.2 | (a) Bagi surat yang dikeluarkan secara serahan tangan, pemohon perlu menyemak terlebih dahulu di talian 03-2030 1400 (masa 8.30 pagi – 12.30 tgh & 2.00 petang – 4.00 petang) untuk ketersediaan surat jawapan.<br><br>(b) Pihak Lembaga tidak akan bertanggungjawab sekiranya pengimport hadir tanpa semakan ketersediaan surat terlebih dahulu.<br><br>(c) Bagi surat jawapan dimana penghantarannya melalui pos, pihak Lembaga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan atau surat yang tidak sampai kepada pengimport. Pemohon perlu menyemak *tracking number* seperti yang telah ditetapkan oleh Pos Malaysia untuk mengetahui status perjalanan surat. |
| 3.3 | **TEMPOH PROSES SURAT PERMOHONAN** | |
| | 3.3.1 | **Tempoh proses** adalah **tidak termasuk hari permohonan dihantar** serta hari **kelepasan am** dan **cuti umum**. Tempoh proses akan **dikira bermula apabila semua dokumen lengkap DITERIMA OLEH PEGAWAI PENILAI UNTUK DINILAI.** |
| | 3.3.2 | (a) Tempoh untuk penilaian **satu produk** adalah 7 hari bekerja bergantung kepada kompleksiti permohonan produk yang diterima.<br><br>(b) Permohonan mungkin akan **mengambil masa yang lebih** mengikut **jumlah** dan **kompleksiti permohonan** produk yang diterima. |

**SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:**

**Unit Pemantauan dan Import**
**(U.P: Urus Setia Pertanyaan Perawis Aktif)**
**Bahagian Kawalan Racun Perosak & Baja,**
**Tingkat 4-6, Wisma Tani,**
**Jalan Sultan Salahuddin,**
**50632, Kuala Lumpur**
**(03-20301489/ 1477)**

**<u>GARIS PANDUAN INI BERKUATKUASA 27/9/2019</u>**

**<u>DIKEMASKINI PADA 4/2/2021</u>**

**Lampiran 1**

## BORANG MAKLUMAT PENGIMPORTAN PRODUK/BAHAN

| Bil. | | |
|---|---|---|
| **A)** | **MAKLUMAT SYARIKAT PENGIMPORT** | |
| 1) | NAMA SYARIKAT | : |
| 2) | ALAMAT SYARIKAT | : |
| 3) | NO TELEFON | : |
| 4) | NO FAKS | : |
| 5) | EMEL | : |
| 6) | KAEDAH PENGAMBILAN SURAT | ☐ Serahan tangan di kaunter<br>☐ Pos<br>pemohon perlu mengemukakan **sampul kiriman POS EKSPRES (POS MALAYSIA) beralamat sendiri.** Kos kiriman adalah di bawah tanggungan pemohon **(Pemohon dari LUAR KAWASAN Kuala Lumpur/Selangor).**<br>Alamat surat-menyurat: |
| **B)** | **MAKLUMAT AGEN PENGHANTAR (sekiranya ada)** | |
| 1) | NAMA PEMOHON/<br>NAMA SYARIKAT | |
| 2) | NO TELEFON | |
| 3) | NO FAKS | |
| 4) | EMEL | |

| **C)** | **MAKLUMAT PERAWIS AKTIF/ PRODUK/ BAHAN** | |
|---|---|---|
| 1) | NO. KOD TARIFF KASTAM MALAYSIA **(10 DIGIT)** | |
| 2) | NAMA PRODUK | |
| 3) | NO CAS PRODUK (sekiranya ada) | |
| 4) | JENIS PRODUK | ☐ Bahan Teknikal Untuk Tujuan Perkilangan<br>☐ Produk Akhir |
| 5) | KEGUNAAN PRODUK | |
| 6) | RACUN MAKHLUK PEROSAK | ☐ Ya<br>☐ Tidak<br>**Untuk jawapan TIDAK, sila terus ke soalan No. 11** |
| 7) | KATEGORI PENGGUNAAN (**Hanya** diisi untuk produk **racun makhluk perosak** sahaja): | see table below |
| 8) | PERAWIS AKTIF (**Hanya** diisi untuk produk **racun makhluk perosak** sahaja): | see table below |

Kategori penggunaan (7):

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Racun rumpai | | Racun bakteria |
| | Racun serangga | | Fumigan |
| | Racun kulat | | Fumigan tanah |
| | Racun hama | | Racun kutu/pinjal |
| | Racun nematod | | Pengawet |
| | Racun tikus | | Penghalau |
| | Racun siput | | Racun anai-anai |
| | Bahan teknikal untuk tujuan perkilangan sahaja | | Racun burung |
| | | | Lain-lain (sila nyatakan): |

Perawis aktif (8):

| Nama biasa | Nama Kimia | Nombor Khidmat Abstrak Kimia (CAS) | % Kandungan |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | | | |

*Sila sertakan lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi.

<table>
<tr><td>9)</td><td>PERAWIS LENGAI<br>(Hanya diisi untuk produk racun makhluk perosak sahaja):</td><td>
<table>
<tr><td>Nama biasa / Nama kimia</td><td>Nombor Khidmat Abstrak Kimia (CAS)</td><td>Tujuan di dalam perumusan</td><td>% Kandungan</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
</table>
*Sila sertakan lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi.</td></tr>
<tr><td>10)</td><td>ADAKAH PERAWIS AKTIF ATAU PERAWIS LENGAI TERSENARAI DALAM PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PINDAAN JADUAL PERTAMA), AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974?</td><td>
<table>
<tr><td>YA</td><td></td><td>TIDAK</td><td></td></tr>
</table>
*Sila rujuk Perintah Racun Makhluk Perosak (Pindaan Jadual Pertama), Akta Racun Makhluk Perosak 1974 yang terkini di:<br>(a) http://www.federalgazette.agc.gov.my/<br>(b) http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/302?mid=141</td></tr>
<tr><td>11)</td><td>SENARAI BAHAN DALAM PRODUK<br>(TIDAK PERLU DIISI sekiranya produk adalah racun makhluk perosak)</td><td>
<table>
<tr><td>Nama biasa/ Nama kimia</td><td>Nombor Khidmat Abstrak Kimia (CAS)</td><td>Tujuan di dalam perumusan</td><td>% Kandungan</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
</table>
*Sila sertakan lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi.</td></tr>
<tr><td>12)</td><td>TUJUAN PENGIMPORTAN</td><td>
<table>
<tr><td></td><td>Jualan</td><td></td><td>Kegunaan sendiri</td></tr>
<tr><td></td><td>Lain-lain<br>(sila nyatakan)</td><td></td><td></td></tr>
</table>
……………………………………………………………<br>……………………………………………………………<br>……………………………………………………………</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| 13) | PENERANGAN LENGKAP TENTANG KEGUNAAN PRODUK | |
| 14) | JUMLAH KUANTITI YANG INGIN DIIMPORT (cth: kg/liter,ml) | |
| 15) | KEKERAPAN PENGIMPORTAN YANG AKAN DIJALANKAN SETAHUN | |
| 16) | KAEDAH PENGIMPORTAN | Darat<br>Udara<br>Laut<br>Lain-lain……………. |
| 17) | PINTU MASUK DI MALAYSIA | |

<table>
<tr><th colspan="3">UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA</th></tr>
<tr><td>18)</td><td>KEPUTUSAN PENGIMPORTAN</td><td>i) Ulasan Pegawai Penilai:<br><br>☐ Bahan tersenarai dalam Jadual Pertama Pindaan ……………., ARMP 1974, maka ianya adalah di bawah kawalan Lembaga Racun Makhluk Perosak.<br><br>☐ Bahan tiada dalam Jadual Pertama Pindaan ……………………, Maka ianya bukan dibawah kawalan Lembaga Racun Makhluk Perosak.<br><br>☐ Lain-lain (sila nyatakan)<br><br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br><br>ii) Ulasan Setiausaha Lembaga:<br><br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………<br>…………………………………………………………</td></tr>
</table>